



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 1447H/2025M**

Hari Selasa, 05 Muharram 1447H / 01 Julai 2025M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah pada hari Selasa, 05 Muharram 1447H bersamaan 01 Julai 2025M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan penyampaian sebuah ceramah khas yang bertajuk "Sunnah Rasulullah Menghadapi Tekanan Hidup" dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Awal Tahun yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Haji Abdul Rahman bin Ajak, Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama, Bandar Seri Begawan.

Majlis ini adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan Sambutan Ilal Hijrah, disamping mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian ini. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/15

Tarikh: 05 Muharram 1447H

01 Julai 2025M